

UUM Sedia Penginapan Lebih Selesa Kepada Pelajar Antarabangsa

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 25 Ogos 2010 16:40

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student


25 OGOS 2010 / 15 RAMADAN 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM Sedia Penginapan Lebih Selesa Kepada Pelajar Antarabangsa

Oleh: Nor Adila Ab Kadir

Gambar : Abdul Halim Husain



Sekitar Majlis Berbuka Puasa Bersama Pelajar Antarabangsa di Pusat Kegiatan Pelajar UUM, semalam.

UUM ONLINE; Pelajar antarabangsa akan mendapat kemudahan penginapan baru apabila projek pembinaan pangsapuri di luar kawasan kampus berhampiran Bukit Kachi, di sini, akan dijalankan tidak lama lagi.

Projek pangsapuri itu akan memberi kemudahan baru kepada pelajar antarabangsa yang sudah mencecah lebih 3,000 orang yang sebelum ini menginap di kawasan perumahan di sekitar Changlun dan Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Maybank.

Sebelum ini, pihak pengurusan UUM bercadang menjadikan kawasan Taman Siswa di Bandar Darulaman, Jitra sebagai penginapan pelajar antarabangsa tetapi faktor jarak menyebabkan usaha itu agak kurang mendapat sambutan daripada pelajar antarabangsa.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, pihak pengurusan akan membina kediaman baru yang